

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
(DUNGUN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan GST (6.0%) daripada bil elektrik dan invois cukai yang dibayar oleh pengguna.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara asasnya, model GST menetapkan bekalan elektrik bagi 300 unit pertama untuk kegunaan domestik dikenakan GST pada kadar sifar (GST 0%). Penggunaan elektrik melebihi unit yang ditetapkan tersebut adalah dikenakan GST 6%. Bekalan elektrik bagi kegunaan komersial juga tertakluk kepada GST 6%.

Berhubung dengan pertanyaan berkaitan jumlah kutipan GST 6% daripada bil elektrik yang dibayar oleh pengguna termasuk pengguna domestik dan pengguna komersial, adalah sukar untuk menentukan jumlah kutipan GST 6% tersebut kerana jumlah kutipan GST yang diisyitihar dalam GST-03 adalah berdasarkan kepada jumlah nilai keseluruhan pembekalan bercukai yang dibuat oleh pihak pembekal elektrik. Pada masa ini, tiada keperluan untuk mana-mana orang yang berdaftar di bawah GST untuk memperincikan nilai berdasarkan setiap jenis pembekalan yang dibuat di dalam penyata GST-03.